

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)

RUJUKAN : 10076

SOALAN :

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta MENTERI DALAM
NEGERI**

menyatakan :-

- (a) mengapakah Zakir Naik diberi kebenaran bermastautin tetap di Malaysia dan sama ada Kerajaan bersedia untuk membatalkan kebenaran tersebut; dan
- (b) adakah Zakir Naik mengemukakan permohonan kewarganegaraannya dan jika ada, apakah keputusan untuk menolak permohonan kewarganegaraannya tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pengeluaran Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) kepada Zakir Naik oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah dilakukan secara teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu berdasarkan pemilikan Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Berhubung isu permohonan kewarganegaraan Malaysia pula, hasil semakan mendapati bahawa tiada rekod permohonan kewarganegaraan bagi individu tersebut dalam pangkalan data JPN.